



GARIS PANDUAN CABARAN SAINS KEBANGSAAN (NSC) 2026 BAGI PERINGKAT AWAL

Peringkat Awal NSC 2026 akan dijalankan dalam bentuk **kuiz dalam talian mengikut zon** bermula dari **27 April hingga 9 Mei 2026**, antara **7.00 pagi hingga 7.00 malam**. Peserta dinasihatkan untuk tidak menjawab kuiz pada saat akhir bagi mengelakkan sebarang kemungkinan ralat sistem.

Satu **Sesi Kuiz Percubaan (Mock Quiz)** akan diadakan dari **20 hingga 24 April 2026** pada waktu yang sama bagi membolehkan peserta membiasakan diri dengan platform kuiz. Peserta boleh memilih mana-mana daripada tarikh ini untuk menjawab sesi percubaan mengikut kesesuaian peserta. Setiap peserta hanya dibenarkan **satu percubaan sahaja**.

Pengagihan zon adalah seperti dalam jadual di bawah:

Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
	Sesi Kuiz Percubaan (20 – 24 April)					
	All 16 States					
	Zon A (27 April)	Zon B (28 April)	Zon C (29 April)	Zon D (30 April)	Cuti Umum	
	Pahang	Selangor	W.P Kuala Lumpur, Sabah & Perlis	Pulau Pinang		
	Zon E (3 Mei)	Zon F (4 Mei)	Zon G (5 Mei)	Zon H (6 Mei)	Zon I (7 Mei)	
Terengganu	Perak, N. Sembilan & W.P Labuan	Sarawak & Kelantan	Kedah & Melaka	Johor & W.P Putrajaya		


Sekiranya terdapat sebarang masalah berkaitan pengagihan zon, Guru Mentor boleh menghubungi pihak penganjur melalui emel kepada nsc@akademisains.gov.my untuk permohonan perubahan atau lanjutan masa **sebelum 22 April 2026 (tertakluk kepada kelulusan).*

A. CARA MENGAKSES PLATFORM KUIZ

1. Pergi ke laman web www.nsc.my dan klik pada “Participant Login”.





Log masuk menggunakan ID Peserta dan kata laluan yang diberikan oleh Guru Mentor.




- **Maklumat log masuk boleh diperoleh daripada Guru Mentor (bahagian *Participant Details*).**

Nota: Maklumat ini disarankan untuk dikongsi secara sulit bagi mengelakkan peserta log masuk ke akaun yang salah.







2. Setelah berjaya log masuk, baca arahan kuiz dengan teliti dan semak nama dan maklumat sekolah anda. Klik “Start” untuk memulakan kuiz.



3. Anda boleh mula menjawab kuiz menggunakan komputer riba, tablet atau telefon bimbit (dalam mod landskap).



4. Setelah selesai, klik butang “Submit”.



5. Sijil penyertaan boleh dimuat turun melalui profil Guru Mentor selepas tamat Peringkat Awal. Hanya peserta yang melengkapkan kuiz akan menerima sijil penyertaan.

B. FORMAT SOALAN

- i. Kuiz ini terdiri daripada soalan yang disusun secara rawak dan akan merangkumi topik Biologi, Kimia, Fizik, dan Matematik.
- ii. Jumlah keseluruhan adalah 50 soalan; 42 soalan aneka pilihan dan 8 soalan isi tempat kosong.
- iii. Semua peserta hanya diberikan masa **satu (1) jam** untuk menjawab kesemua soalan.
- iv. Soalan akan dipamerkan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- v. Pecahan soalan adalah seperti berikut:

Jenis Soalan	Liputan Silibus
Mudah	KSSM Tingkatan 1-4
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	KSSM Tingkatan 2-4
Aplikasi	KSSM Tingkatan 3 & 4 (Soalan juga boleh merangkumi rujukan daripada platform ASM Estidotmy, https://esti.my/)

C. KAEDAH KELAYAKAN KE PERINGKAT NEGERI

- i. Markah keseluruhan bagi setiap pasukan akan dikira secara kumulatif daripada ahli pasukan.
- ii. Tempoh masa bagi menjawab kuiz akan diambil kira sekiranya terdapat dua pasukan yang mempunyai markah keseluruhan yang sama.
- iii. **80 pasukan** akan dipilih dari **13 Negeri dan 3 Wilayah Persekutuan (lima pasukan bagi setiap Negeri/ Wilayah Persekutuan)** untuk bertanding di Peringkat Negeri.
- iv. Negeri dan Wilayah Persekutuan yang dinyatakan adalah Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Terengganu, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan, dan W.P. Putrajaya.
- v. **Lima (5) pasukan** dengan markah keseluruhan tertinggi dari **setiap negeri** akan berjaya ke peringkat seterusnya, iaitu Peringkat Negeri.

- TAMAT -